

22/06/2003

Berundur waktu popular (HL)

By Manja Ismail

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Umno ke-54 tamat petang semalam dengan ucapan penggulungan terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi ingatan dan teladan kepada pemimpin parti bahawa mereka harus bersedia berundur waktu sedang popular.

Presiden Umno mengambil keputusan untuk bersara daripada semua jawatan parti dan kerajaan ketika masih lagi berada di puncak kerjayanya dan tidak menunggu sehingga dihalau keluar atau tidak popular lagi.

"Saya diajar emak saya apabila makan tengah sedap, kena berhenti. Saya ingat nasihat itu dan membuat keputusan untuk berhenti semasa tengah sedap (selesa) menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Jangan berhenti apabila dihalau keluar, tidak popular, merosakkan parti dan saya bersyukur Umno telah dipulihkan dengan baiknya," katanya dalam ucapan penggulungannya pada hari terakhir perhimpunan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir akan melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam pada Oktober ini. Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambilalih jawatan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya selama 70 minit, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyatakan sokongan, penghargaan dan sanjungan dalam kebanyakan ucapan semasa perbahasan usul ucapan dasar presiden serta usul ekonomi, pendidikan dan agama.

"Penghargaan itu ditujukan kepada Presiden Umno. Kalau Presiden tidak disayangi...itu adalah petanda parti kita berpecah.

"Oleh itu disuarakan perasaan kasih kepada presiden bermakna kita kasih kepada parti dan perjuangan kepada bangsa, agama dan tanah air. Teruskanlah amalan kepada Presiden yang akan datang," katanya.

Dr Mahathir yang turut menyatakan rasa gembira dan terharu kepada perwakilan, berkata perhimpunan agung tahunan parti yang berlangsung sejak Khamis lepas telah berjalan dengan tertib dan baik, tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang hadir kerana ketertiban mesyuarat kita ini walaupun pada mulanya ada ura-ura perkara tertentu akan berlaku. Alhamdulillah, tidak ada apa yang berlaku walaupun begitu ramai yang hadir," katanya.

Dr Mahathir, yang kelihatan tenang dan hanya beberapa kali sebak di sepanjang 70 minit menyampaikan ucapan itu bersyukur kerana Umno telah pulih sepenuhnya ketika beliau mengambil keputusan berundur.

"Saya berdoa bahawa semangat yang ditunjuk pada hari ini dapat dikekalkan," katanya yang mengakhiri ucapannya dengan membaca 11 rangkap pantun.

Jangkaan ramai sebelum ini bahawa ucapan penggulungan terakhir Dr Mahathir itu akan dipenuhi emosi, ternyata meleset. Sebaliknya, dari mula hingga akhir Perdana Menteri bukan sahaja dapat mengawal perasaan, malah ada ketikanya berjenaka.

Dr Mahathir juga menegaskan, sesiapa yang akan dipilih sebagai calon dalam pilihan raya umum akan datang mesti diberi sokongan padu oleh ahli dan dianggap sebagai calon parti, dengan semua pihak bekerja keras bagi menjamin kemenangan.

Sebaliknya, mereka yang tidak berasa puas hati setelah pemilihan calon dibuat, hendaklah mengelak daripada melobi seperti menghantar rombongan

untuk merayu atau membuat panggilan telefon.

Beliau turut menghargai ikrar ketiga-tiga naib presiden - Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib - bahawa mereka tidak akan mencabar sesiapa saja yang dilantik sebagai timbalan perdana menteri.

"Saya bersyukur kerana jelas daripada ucapan-ucapan yang dibuat termasuk Naib-Naib Presiden, Timbalan Presiden dan lain-lain. Nampaknya tidaklah akan berlaku rebutan untuk jawatan dalam parti. Saya khuatir benar kalau ada rebutan kerana kita belum faham etika demokrasi.

"Jika kita bersaing, bertanding, bila kalah kita akur, kadang-kadang kita berasa kecewa sehingga buat angkara dalam parti. Kalau tak ada pertandingan, masing-masing akan patuh, kepada keputusan Abdullah apabila jadi Perdana Menteri, maka parti kita akan selamat," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar kemudiannya, Dr Mahathir mengakui ucapan penggulangannya yang turut menyentuh mengenai sikap hipokrit Pas, mempunyai kaitan dengan persediaan bagi pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, katanya, ucapan itu juga adalah untuk meminta Umno melaksanakan tanggungjawabnya dalam mengembalikan umat Islam di negara ini ke jalan yang benar.

Perdana Menteri berkata, rahsia bagi Umno menumbangkan Pas adalah dengan menyokong sepenuhnya siapa juga yang menjadi calon parti dalam pilihan raya akan datang.

"Kalau semua orang `rally' di belakang siapa juga yang dijadikan calon, maka Umno akan menang. Tidak akan ada orang yang rasa kecewa atau tidak mahu bekerjasama.

"Jangan ada lagi bilik gerakan ditutup hanya kerana tidak setuju dengan calon yang dipilih parti. Ahli Umno mesti utamakan parti dan calon kerana dia bukan calon bebas tetapi sebagai calon parti," katanya.

Mengenai keutuhan Umno yang semakin menyakinkan, Dr Mahathir berkata, masa telah memberi peluang kepada pucuk pimpinan untuk menerangkan kepada ahli Umno semua tindakan dan keputusan yang diambil parti.

(END)